

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad telah genap dua tahun hari Sabtu semalam memegang tampuk negara, memimpin rakyat ke arah matlamat-matlamat yang menjadi dasar perjuangan pemerintahannya. Setiap seorang rakyat mempunyai kesan dan tanggapannya sendiri terhadap beliau sebagai pemimpin dan terhadap pemerintahan serta dasar kerajaannya. Adalah mustahil untuk seluruh rakyat menerima bulat-bulat dasar dan stail pemerintahannya. Tetapi jelas juga bahawa sekali pun ada beberapa aspek daripada dasar kerajaannya tidak dirasakan sesuai oleh setengah-setengah pihak (hal ini memang wajar dalam sebuah negara demokrasi yang mempunyai pembangkangnya sendiri), namun setiap pihak mengakui ketegasannya sebagai pemimpin dan kesungguhan serta kejujurannya untuk membawa pembaharuan dalam sikap dan

Pemimpin bawa pembaharuan dalam sikap dan nilai rakyat hadapi cabaran

nilai rakyat menghadapi cabaran hidup mereka.

Seseorang itu diukur kejayaannya sebagai pemimpin negara bukan saja dari segi kemajuan fizikal yang telah berlaku selama pimpinannya tetapi juga dari segi kesan yang dibawanya kepada nilai-nilai hidup dan pemikiran rakyat. Datuk Seri Dr Mahathir telah berjaya lebih besar dalam usahanya mengubah pemikiran dan pandangan hidup rakyat yang hendak disesuaikan dengan tugas-tugas menghadapi cabaran dekad lapan puluhan. 'Bersih, Cekap dan Amanah' tidak saja merupakan slogan kosong tetapi menjadi satu nilai hidup baru yang akan diperkembangkan ke setiap lapisan masyarakat; 'Kepemimpinan Melalui Teladan' tidak menjadi seruan semata-mata tetapi dianjurkan agar menjadi amalan mereka yang ditu-

gaskan menjadi pemimpin dalam masyarakat.

Sudah tentu masih ada tentangan terhadap beberapa anjurannya tetapi tentangan itu, kerana tidak bertunjang kepada nadi rakyat, lambat laun akan hilang ditelan oleh arus kehairahan rakyat mencari pembaharuan dalam nasib mereka di masa depan.

Satu generasi baru rakyat kini menjadi golongan rakyat yang terbesar yang terletak di bawah pimpinan kedua-dua pemimpin, iaitu Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Musa Hitam.

Mereka terdedah kepada pemikiran baru, kepada 'idea' baru dan kepada nilai-nilai hidup baru, dalam erti kata mereka tidak terikat oleh nilai-nilai lama peninggalan zaman penjajahan. Ketika dan saat Datuk Seri Dr Mahathir memegang pimpinan negara ber-

tepatan dengan ketika dan saat yang memisahkan antara yang lama dan yang baru, antara dunia lama dengan dunia baru, antara pimpinan lama dan pimpinan baru. Secara ringkas, Datuk Seri Dr Mahathir memimpin rakyat yang betul-betul rakyat yang besar dan dewasa dalam masyarakat yang telah merdeka dan berdaulat seratus peratus tanpa ada sedikit pun peninggalan sisa-sisa era atau zaman lama. Dan kejayaannya ialah kejayaan meninggalkan kesan pimpinannya kepada generasi baru, 'idea-ideanya' dan nilai-nilai hidup yang sesuai untuk diterima oleh golongan muda yang kini menjadi penduduk terbesar negara ini.

Beliau telah memperlihatkan ketajaman dan ketangkasnya mengerti dan memahami 'mood' atau citarasa yang bergolak dalam masyarakat, mengalir dan menyalurkan

pergolakan itu kepada matlamat-matlamat yang positif dan membina untuk kepentingan masa depan negara. Pergolakan agama ditenteramkan dan distabilkan untuk disalurkan ke arah pendekatan matlamat yang dapat diterima oleh masyarakat majmuk negara kita. Penerapan nilai-nilai Islam menjadi dasar kepemimpinannya yang kemudiannya diterima sebagai objektif negara mengharungi gelora kebangkitan umat Islam di seluruh dunia. Bahawa negara kini menjalani satu perubahan besar barangkali telah dirasa oleh setiap rakyat dan kita beruntung bahawa perubahan itu yang bermula sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan telah berlangsung dengan lancar dan tenteram. Faktor terbesar dari perubahan lancar ini ialah peralihan pimpinan negara dari yang lama kepada yang baru, yang berlaku dalam keadaan yang toleran dan penuh kerelaan hati. Dan tidak kurang pula proses yang lancar itu disebabkan oleh keulungan pimpinan negara yang diketuai oleh Datuk Seri Dr Mahathir menyambut dan menghadapi cabaran dekad baru itu dengan gaya dan stail serta gagasan yang menepati kehendak, keperluan masa dan zamannya.